



JABATAN BENDAHARI • BURSAR'S DEPARTMENT

Rujukan: UKM.BEN.500-5/6/1

Tarikh: 11 Mac 2024

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua  
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**TAKAFUL MOTOR UNTUK KENDERAAN BAHARU UKM**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa semua kenderaan baharu yang dibeli selepas tarikh 1 Mac 2024 oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah penyeliaan YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan perlu **dikelompokkan di bawah pengurusan Syarikat Takaful lantikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).**

3. Sehubungan itu, kesemua pembelian takaful kenderaan baharu milik PTj selepas tarikh 1 Mac 2024 perlu melalui Bahagian Pentadbiran, Jabatan Bendahari selaku urus setia Perkhidmatan Perlindungan Takaful Motor UKM.

4. Walau bagaimanapun, pembelian takaful ini hanya terpakai ke atas kenderaan baharu di Kampus Bangi dan Kampus Kuala Lumpur {tidak termasuk Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani (HPKK)}. Sukacita YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat menyampaikan maklumat ini kepada pegawai dan kakitangan (yang berkaitan) di PTj masing-masing.

5. Bersama ini disertakan infografik berkaitan Pembelian Takaful Motor Untuk Kenderaan Baharu UKM sebagai panduan dan rujukan YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Sebarang pertanyaan lanjut, mohon hubungi Bahagian Pentadbiran, Jabatan Bendahari di talian 4524/3399/5134/ atau emel [pentadbiranbendahari@ukm.edu.my](mailto:pentadbiranbendahari@ukm.edu.my). Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**"Akauntabiliti Pegangan Kita"**

Yang benar,

**MOHD AZLI BIN KASIRUN c.a. (M)**  
Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia



- s.k ~ Naib Canselor, UKM  
 ~ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM  
 ~ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM  
 ~ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni), UKM  
 ~ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM  
 ~ Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat), UKM  
 ~ Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM  
 ~ Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur), UKM  
 ~ Pendaftar, UKM  
 ~ Ketua Pustakawan, UKM  
 ~ Penasihat Undang-Undang, UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**JABATAN BENDAHARI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
 Tel.: +603-8921 3000 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

**ILMU, MUTU DAN BUDI**

www.ukm.my